

DBKL kenal pasti 14 lagi kawasan 'hot spot' banjir kilat

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenal pasti 14 lagi kawasan *hot spot* banjir kilat di sekitar ibu negara dan akan mengambil langkah segera termasuk mempercepat projek mitigasi bagi mengatasi isu berkenaan.

Antara kawasan itu ialah Jalan Syed Putra, Jalan Peel, Jalan Dutamas dan Jalan Pahang, Jalan Maharajalela, Jalan Raja Chulan, Jalan Genting Kelang (Utar dan Shell), Lorong Titiwangsa 11, Jalan Pahang Barat dan

Jalan Tun Razak.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata pihaknya yakin dapat menangani dan mengurangkan impak bencana berkenaan menerusi langkah sama yang dijalankan di 25 lokasi *hot spot* sebelum ini.

"Kelmarin hanya satu daripada 25 *hot spot* ini sahaja yang banjir dan naik air, bermakna apa yang DBKL dah buat selama ini (projek tebatan banjir) telah menambah baik dalam mem-

bantu mencegah dan mengurangkan risiko banjir.

"Kawasan yang terlibat (banjir kilat) dan tanah runtuh belum lagi dilaksanakan projek mitigasi, dan sekarang menjadi potensi *hot spot* yang baharu. Jadi kami sedang kaji langkah segera yang terbaik boleh diambil untuk mengatasinya,"

Kelmarin, media melaporkan tujuh lokasi seki-

tar ibu negara dilanda banjir kilat susulan hujan lebat berterusan sejak petang melibatkan Segambut Bypass, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Pahang, Jalan Genting-Klang dan Jalan Dutamas, Jalan Kepong dan Jalan Kuching.

Maimunah yang baru dilantik memegang jawatan itu Khamis lepas berkata, pihaknya juga akan mempergiat kerja

penyelenggaraan kolam takungan banjir (*Onsite Stormwater Detention - OSD*), penyelenggaraan sungai dan parit induk secara berjadual terutama apabila musim monsun timur laut semakin menghampiri sebagai langkah pencegahan.

Beliau berkata, kerja pengorekan kelodak ke atas semua kolam takungan banjir dilakukan mengikut keperluan semasa dan juga mengikut jadual berkala yang ditetapkan selain menaikkan taraf saliran longkang di tepi jalan.

"Perubahan iklim juga menjadi cabaran dalam mengatasi masalah ini, kalau dulu Ogos bukan musim hujan tapi sekarang sudah berubah," katanya.

Maimunah berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu juga akan memperkasakan kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran menerusi pasukan petugas sedia ada dalam memastikan sungai terutama yang kerap berlaku banjir diberi perhatian dan mampu menampung limpahan air.

**DBKL akan
perkasakan kerjasama
dengan Jabatan
Pengairan dan Saliran**